

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tahun Keempat Dalam Sains Farmasi

Semester I, Sidang 1987/88

Pengurusan Farmasi Hospital

FEL 405.20

Tarikh: 3 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi.
(2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

- 2 -

Soalan I

(A) Definisikan pengurusan mengikut objektif.

(6 markah)

(B) Huraikan langkah-langkah yang terlibat untuk membuat keputusan (decision-making) yang sesuai.

(6 markah)

(C) Bincangkan bagaimana anda boleh menentukan keperluan kakitangan dan kos-kos operasi untuk menubuhkan satu program pengeluaran secara besar-besaran di dalam farmasi hospital?

(13 markah)

Soalan II

Terangkan dengan ringkas cara-cara utama yang perlu diambil dalam pengurusan bekalan demi menjaga bekalan yang tiada terputus di dalam sebuah hospital.

(25 markah)

...3/-

- 3 -

Soalan III

- (A) Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan supaya pesakit-pesakit mendapat faedah yang maksimum apabila dibekalkan ubat dari Hospital Farmasi.

(13 markah)

- (B) Bincangkan sebab-sebab mengapa penubuhan satu rancangan aditif intravenus adalah penting di sebuah farmasi hospital.

(12 markah)

Soalan IV

M.A.W. seorang kanak-kanak lelaki 1½ tahun telah didiagnos menghidap radangan usus dan dehidrasi tahap sederhana (10%) kerana ceret-beret yang teruk. Doktor bercadang untuk memulakan nutrisi parenteral pada M.A.W. bagi membolehkan fungsi ususnya pulih kepada normal. Data asas pesakit yang diperolehi adalah:

berat badan	12.5 kg
tinggi	2' 2"

Laporan makmal untuk gambaran darah dan serum elektrolit masih belum didapati.

- (A) Kirakan keperluan bendalir yang diperlukan oleh M.A.W. dalam sehari.

(6 markah)

- 4 -

- (B) Kirakan keperluan tenaga yang diperlukan oleh M.A.W dalam sehari.

(7 markah)

- (C) Cadangkan larutan nutrasi yang sesuai untuk M.A.W

(12 markah)

Soalan V

Beri keterangan ringkas mengenai perkara-perkara berikut:

- (A) Keperluan protein bagi pesakit kegagalan renal.

(6 markah)

- (B) Keperluan protein bagi pesakit kegagalan hati.

(6 markah)

- (C) Keperluan bendalir pada kanak-kanak.

(6 markah)

- (D) Penggunaan lemak pada kanak-kanak.

(7 markah)